



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (110)

Tarikh : 6 Mac 2016

SIARAN MEDIA

LANDSKAP MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN

Kuching, 6 Mac 2016 – Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2016 bertemakan Landskap Berfungsi Kehidupan Berkualiti dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem pada pagi ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) memilih tema **Landskap Berfungsi Kehidupan Berkualiti** dipilih sejajar dengan hasrat Jabatan untuk memfokus kepada pembangunan landskap yang berfungsi dari aspek fizikal, alam sekitar dan visual untuk membentuk karakter landskap perbandaran yang tersendiri bercirikan sosio-budaya tempatan ke arah penyediaan persekitaran kehidupan yang berkualiti.

3. Kemuncak HLN 2016 ini adalah aktiviti penanaman pokok di plot khas di Taman Botani Sarawak. Ia adalah satu usaha dalam mengajak masyarakat ke arah menyayangi landskap dan alam sekitar.

4. Pelbagai acara telah diatur sempena Sambutan HLN 2016 ini di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak (Lama) dan Taman Botani Sarawak dari 5 Mac hingga 6 Mac 2016 seperti berikut:

- Majlis Perasmian Sambutan HLN 2016 pada 6 Mac 2016
- Pameran Landskap oleh PBT Negeri Sarawak dan Agensi-Agensi
- Public Workshop – “Trees Maintenance & Turfing”
- Pembahagian Anak Pokok Secara Percuma kepada Orang Awam
- 10000 Steps dan Saringan Kesihatan

- Senam Robik
- Pertandingan Gubahan Bunga
- Pertandingan “Mural Painting” (Pelajar Sekolah, IPTA Dan IPTS)
- Pertandingan Reka Bentuk Landskap (Sekolah Menengah/IPT)
- Pertandingan Mewarna dan Melukis (Sekolah Rendah)
- Persembahan Karaoke dan Buskers
- Gerai Jualan Makanan dan Produk Landskap

5. Kerajaan telah mengistiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara (HLN) bersempena dengan tarikh pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Tujuan utama Hari Landskap Negara diadakan adalah untuk menggerakkan budaya kecintaan terhadap landskap di kalangan rakyat seluruh negara selaras dengan Teras 1 Dasar Landskap Negara: Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Ia juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) menjelang tahun 2020.

6. Sambutan HLN 2016 ini dijayakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti (LGCD), Sarawak, Pihak berkuasa tempatan (PBT) Negeri Sarawak dan beberapa jabatan dan agensi peringkat Negeri Sarawak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my